

04/07/2004

Survival politik cara Muhammad

By Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

MENJELANG perhimpunan Agung Umno pada 2000, ramai yang berpendapat kerjaya politik Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, akan berakhir kerana ketika itu beliau tiada sebarang kedudukan dalam kerajaan, tetapi kebijaksanaan perwakilan mengubahkan segala tanggapan itu.

Pada perhimpunan September depan, sekali lagi Muhammad berdepan situasi sama. Mampukah beliau menangani saingan kali ini? Mungkinkah sekali lagi, perwakilan mempertahankannya bagi memastikan Umno terus mempunyai seorang Naib Presiden tanpa jawatan dalam kerajaan.

Dalam pertemuan dengan wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dan ZIAUDDIN SHARUDDIN di kediamannya di Kelana Jaya, Selangor, baru-baru ini Muhammad membincangkan survival politiknya dalam Umno menjelang pemilihan kali ini?

SEBAGAI Naib Presiden Umno sejak 1993, tidakkah Tan Sri berasa semakin terpinggir daripada arus politik negara, tambahan pula tidak disenaraikan sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum, baru-baru ini?

Bagi saya, itu adalah satu perkara yang perlu saya terima dan hadapi sebagai kehendak semasa yang ditetapkan Allah. Namun sebagai ahli dan pemimpin dalam parti, saya tetap menjalankan tugas seperti biasa untuk memastikan Umno dan BN mencapai kejayaan pada pilihan raya umum dan kecil.

Saya pastikan jentera kita bergerak dan saya sendiri berusaha dapat memberikan penerangan kepada seramai mungkin pengundi di seluruh negara. Taat setia kepada parti tetap tidak berbelah bagi.

Walaupun Tan Sri tidak terpilih sebagai calon?

Ya! walaupun tidak terpilih sebagai calon, bagi saya yang penting adalah negara dan parti. Negara paling penting, kalau kita berpegang kepada prinsip berjuang dan bekerja untuk negara, maka yang lain-lain itu tidak lagi menjadi penting termasuk memikirkan diri sendiri, berebut-rebut dan sebagainya kerana kita berjuang untuk negara.

Apa yang dilakukan Tan Sri apabila mendapati diri tidak terpilih sebagai calon pilihan raya baru-baru ini?

Saya mengaturkan jentera pilihan raya terutama di bahagian saya, Kelana Jaya bagi membantu calon MCA dan Umno. Selepas itu, membantu pada peringkat Selangor, tempat yang difikirkan sengit, saya pergi jumpa pengundi untuk membantu calon. Saya pergi ke negeri yang kita anggap saingan sengit. Saya pergi ke Kedah, Kelantan dan Terengganu, yang dianggap menghadapi pertarungan hebat. Saya dan isteri pergi merata tempat untuk bertemu seramai mungkin pengundi.

Syukur! Alhamdulillah, berkat sokongan dan kerjasama ramai serta perpaduan erat antara ahli dengan hanya bertujuan memenangkan parti, nampak di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kita berjaya mencapai kejayaan besar.

Sebagai pemimpin yang berkempen di seluruh negara ketika pilihan raya, bagaimana Tan Sri melihat senario sokongan orang Melayu kepada Umno ketika ini?

Dalam pilihan raya baru-baru ini, saya lihat rakyat secara amat besar sekali menunjukkan sokongan kepada BN selepas pilihan raya 1995. Saya fikir ini sokongan khusus kepada kepemimpinan dan pendekatan Perdana Menteri. Sokongan bukan hanya dari ahli parti tetapi daripada masyarakat yang menyeluruh, di kampung, bandar, wanita dan generasi muda, memberikan sokongan kepada BN.

Ini adalah satu keputusan yang dibuat rakyat. Adanya jentera Umno dan BN yang kukuh serta bersatu padu, kita nampak hasil sokongan begitu besar,

maka hari ini kita mempunyai sebuah kerajaan pada peringkat pusat dan negeri yang saya fikir antara yang terkuat berjaya dibentuk selepas merdeka.

Apa punca orang Melayu mengubah sikap, kembali menyokong Umno pada pilihan raya lalu berbanding situasi ketika 1999?

Seperti yang sedia maklum, pada 1999 ada isu besar yang berdepan dengan kita semua tetapi pada tahun ini, tiada isu besar dengan kepemimpinan Pak Lah, rakyat menerima kepemimpinan ini dengan dasar yang diteruskannya untuk membentuk kerajaan yang kukuh. Rakyat menyokong penubuhan kerajaan yang kukuh dan kita kini sedang menyaksikan sebuah kerajaan yang boleh melaksanakan banyak kerja dengan kekuatan besar yang diberikan rakyat.

Berdasarkan keputusan pilihan raya, nyata rakyat kini bersedia melakukan perubahan menerusi undi mereka, bagaimana Umno boleh memastikan rakyat mengekalkan sokongan pada pilihan raya akan datang?

Selepas menang besar pada 21 Mac, sekarang kita berdepan dengan pemilihan parti. Bagi saya, Umno kena lihat dan menoleh ke belakang, bagaimana rakyat memberi sokongan kepada Pak Lah sebagai PM. Ketika pemilihan parti kali, saya fikir perwakilan parti kena endorse kemenangan yang besar pada 21 Mac lalu.

Pemilihan parti pada 23 September ini, sangat penting untuk perwakilan memberi endorsement terhadap team yang telah memenangkan calon Umno dan BN pada 21 Mac lalu. Amat mustahillah, kalau sebuah pasukan bola sepak lepas menang besar dan menjadi juara, hendak ditukarkan pemainnya. Sebagai pasukan yang menang besar adalah perkara semula jadi untuk kita mengekalkan pasukan sedia ada kerana pada 21 Mac lalu, Umno dan BN menang besar. Adalah adil!, saya kira Umno bukan hanya mengekalkan tetapi reinforce kekuatan yang ada kepada kepemimpinan sedia ada ketika ini.

Mungkinkah ketiadaan kedudukan dalam kerajaan ketika ini akan menjejaskan peluang Tan Sri mengekalkan kerusi Naib Presiden Umno kali ini?

Saya serah kepada ahli parti untuk buat penilaian, sama ada orang macam saya, yang tiada kedudukan dalam kerajaan, boleh atau tidak memainkan tanggungjawab dalam parti seperti yang dilakukan saya di merata tempat selama ini, saya boleh mengeluarkan pendapat dan bekerja untuk parti. Ketika pemilihan 2000, perwakilan tetap memberi peluang kepada orang yang tiada jawatan dalam kerajaan seperti saya, untuk sama-sama mainkan tanggungjawab dalam parti.

Adakah Tan Sri berpuas hati terhadap sumbangan kepada parti sebagai seorang Naib Presiden sejak 1993, walaupun selama dua penggal tanpa kedudukan dalam kerajaan?

Saya fikir saya boleh sumbangkan tenaga saya ke arah mengukuhkan parti. Parti hendaklah kukuh, barulah kerajaan kukuh. Kalau kerajaan kukuh tetapi parti lemah, ia akan menyebabkan kekuatan kita dalam kerajaan bergoncang, seperti yang pernah dialami ketika parti kita bergolak. Ini menyebabkan kekuatan kita dalam kerajaan lemah, tanggungjawab saya untuk bertugas tanpa jawatan dalam kerajaan adalah mengukuhkan parti, itu yang saya buat. Ke mana saja, saya pergi untuk menerangkan kepada rakyat supaya mereka faham. Misalnya, slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, ini bukan mudah difahami rakyat tetapi saya ada masa untuk menerangkan slogan yang dikemukakan oleh Pak Lah itu.

Saya boleh memainkan tanggungjawab di kalangan rakyat untuk mereka menggarapkan dasar dan perjuangan pemimpin, saya boleh duduk bersama mereka di kedai kopi, tepi pantai dan sawah menerangkan dalam bahasa yang mereka faham mengenai dasar kerajaan dan parti. Kalau mereka memahami dasar ini, mereka akan rasa secocok dengan pemimpin yang ada dan terus memberi sokongan kepada kerajaan. Tanggungjawab saya adalah untuk menarik seberapa ramai sokongan untuk pastikan Umno terus kukuh.

Berdasarkan pengalaman sejak 1993, sejauh manakah Tan Sri melihat kepentingan perlu ada Naib Presiden tanpa kedudukan dalam kerajaan dalam Umno?

Saya tidak bermaksud, pemimpin parti tidak perlu duduk dalam kerajaan. Itu juga perlu dan memang mereka dipilih untuk duduk dalam kerajaan, tetapi saya berpendapat ada juga kelebihan kepada parti, sekiranya ada seseorang pemimpin yang tiada jawatan dalam kerajaan turut berfungsi dalam parti sebab dia ada masa yang banyak untuk dihantar oleh pucuk pimpinan atau Majlis Tertinggi pergi ke seluruh negara untuk `bekerja', sekiranya berlaku krisis di mana-mana bahagian, maka amat senang seseorang yang tiada jawatan boleh pergi menyelesaikan masalah yang berlaku dalam bahagian.

Memang sebelum ini, saya pernah dihantar ke Kuantan, Bandar Tun Razak, Sabah serta banyak tempat lain termasuk ketika pilihan raya kecil, memang itu kerja saya, selesaikan masalah dan gembeleng jentera atau pemimpin pada pelbagai peringkat untuk mengatasi sebarang masalah yang berlaku pada masa itu.

Adakah Tan Sri puas hati dengan apa yang dilakukan setakat ini?

Saya puas hati dengan apa yang telah ditugaskan kepada saya. Alhamdulillah! Kita menang semua pilihan raya kecil kecuali di Lunas, kita berjaya kerana dapat tumpukan perhatian dan gerakkan jentera sepenuh masa, saya sendiri berada di sana sepenuh masa, tidak adalah maknanya saya tertinggal kerja kalau ada ada kerja di pejabat, saya duduk di sana kalau tiga minggu kita kempen, tiga minggulah, di Sabah, dua minggu saya berada di sana, Nampaknya, selama ini adalah juga gunanya orang macam saya ini kepada parti. Kalau ada rezeki masa akan datang, saya serahkan kepada Allah.

Adakah Naib Presiden yang ada jawatan dalam kerajaan tidak mampu menjalankan tugas?

Mereka juga boleh menjalankan tugas untuk parti tetapi kita membincangkan keupayaan orang yang tak ada jawatan dalam kerajaan lagi baik. Sepenuh masa di sana, orang nak jumpa saya pun senang, boleh berhubung dan senang didampingi tidak sibuk macam sesetengah pemimpin yang banyak tugas lain. Jumpa saya dan saya boleh segera berhubung kepada ibu pejabat untuk bawa kes mereka dan memang banyak saya bawa masalah yang dihadapi oleh ahli parti pada semua peringkat.

Tan Sri menyebut dengan keperluan endorse terhadap pasukan yang memenangkan BN dan Umno pada pilihan raya lalu, adakah ini maknanya supaya pemegang jawatan sekarang dikekalkan?

Kebetulan saya juga berada dalam pasukan yang memenangkan parti dalam pilihan lalu, bagi saya pasukan yang ada telah berhempas pulas mencipta kemenangan dalam pertarungan yang hebat, adalah suatu perkara semula jadi untuk memilih anggota pasukan itu. Kalau pasukan itu kalah misalnya, memanglah biasanya kita tukarlah semua sekali, tetapi pasukan yang ada ini telah bawa kemenangan yang cemerlang, ini satu mesej yang besar oleh rakyat yang mereka mahukan PM dan TPM. Ahli parti kena tengok, rakyat dah endorse kerajaan seperti ini dalam membuat pertimbangan pemilihan parti seperti sekarang, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa Umno di bawah pimpinan yang ada berjaya menang pilihan raya dengan cemerlang, ini maksud saya tadi.

Apa pendekatan terbaik untuk membanteras politik wang?

Selain tindakan disiplin parti, saya harap ahli di semua peringkat menolak pemimpin yang menggunakan wang. Saya fikir ini adalah lebih penting. Ahli Umno kena pilih pemimpin yang memberikan perkhidmatan cemerlang walaupun tak berduit.

Kita tak usah peduli sama ada dia ada duit atau tak ada duit, yang penting dia boleh memberikan perkhidmatan, kepimpinan, boleh membawa

kesedaran, ada perjuangan di kampung atau tempat dia duduk, sentiasa ada pembaharuan untuk memajukan masyarakat.

Kalau lahir pemimpin seperti ini, maka masyarakat akan mendapat faedah daripada kewujudan seorang pemimpin, daripada memilih pemimpin suka belanja makan dan minum serta beri hadiah. Pemimpin seperti ini tidak akan membawa perubahan kepada masyarakat tempat dia menjadi pemimpin.

Ada pihak berpendapat pertandingan wajar dibenarkan untuk semua jawatan termasuk Presiden dan Timbalan Presiden kerana selaras dengan demokrasi yang diamalkan?

Demokrasi hanya satu teori. Dalam Umno, kita kena lihat lebih jauh daripada falsafah demokrasi. Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Najib (Datuk Seri Najib Razak) sentiasa mengutamakan kepentingan parti, mereka mahu berkhidmat untuk negara. Orang yang kata Pak Lah tak buat apa-apa untuk kemajuan orang Melayu, mungkin tak baca sejarah, sebenarnya banyak jasa beliau sepanjang menjadi Menteri Wilayah, Menteri Pelajaran hinggalah dilantik sebagai TPM dan kini menjadi PM.

Demi mengukuhkan perpaduan orang Melayu dan melihat kesinambungan yang telah ditinggalkan oleh Dr Mahathir kepada Pak Lah, saya minta ahli Umno seluruh negara, kita kena endorse kepemimpinan Pak Lah dan Najib pada perhimpunan September ini.

Sebagai orang Melayu, kita perlu henti berbalah. Jangan sengaja mencari alasan untuk menandingi kepemimpinan yang sudah diputuskan kerana kita sudah nampak melalui pengalaman, apa akan jadi kepada orang Melayu dan Umno jika kepemimpinan tertinggi Umno ditandingi. Oleh itu saya minta, keputusan Majlis Tertinggi supaya tiada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, diterima semua ahli Umno, sama ada orang baru atau lama. Kalau jawatan Naib Presiden, berapa ramai pun boleh bertanding.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan supaya jangan ada kem jika hendak bertanding. Berdasarkan sejarah lalu, Tan Sri bersama Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, dikaitkan dengan Team Wawasan pada pemilihan 1993. Bagaimana pula kali ini?

Pemilihan 1993 itu, ada orang labelkan team itu sebagai Team Wawasan. Saya pun tak faham hujung pangkal label itu. Yang saya tahu, saya hanya menawarkan diri atas nama saya pada tahun 1993 dan tidak pernah duduk sekali berbincang dengan rakan lain untuk membentuk satu team. Tetapi itu diwar-warkan sebagai team.

Saya fikir kali ini pun sama. Tahun 2004 setiap ahli yang hendak menawarkan diri bagi sebarang jawatan, dia menawarkan diri atas kapasiti dirinya dan kalau dia diterima oleh cawangan dan bahagian, maka dia boleh bertanding dalam pemilihan parti.

Saya fikir tak molek ada satu team dan mengeluarkan sebilangan pemimpin lain menyebabkan terbentuk team lain. Oleh itu, elok menawarkan diri masing-masing dalam pemilihan supaya perwakilan boleh memilih berdasarkan individu itu, bukan team.

Kalau pilih secara team, nanti ada orang baik dalam team satu lagi tak terpilih, ada orang tak baik dalam team itu terpilih dan ini tak baik dantak kena.

Bagaimana Tan Sri melihat saingan dalam perebutan jawatan Naib Presiden kali ini?

Saya fikir biar kita berikan kebebasan kepada sesiapa saja menawarkan diri. Ini membolehkan ahli Umno serta perwakilan membuat penilaian terhadap setiap calon yang akan bertanding. Mereka akan memilih siapa yang mereka berasakan boleh menjalankan tugas mengikut fungsi masing-masing dalam jawatan yang ditawarkan.

Berikutan ketiadaan jawatan dalam kerajaan, mungkin kali ini perwakilan akan memberi undi simpati kepada Tan Sri?

Saya tak tahulah sama ada mereka akan buat begitu, tetapi saya fikir perwakilan adalah bijak untuk meletakkan pemimpin yang mereka kehendaki pada peringkat Majlis Tertinggi dan Naib Presiden. Saya fikir Naib Presiden lebih bertanggungjawab kerana mereka menganggotai Jawatankuasa Pengurusan yang hampir setiap minggu, banyak perkara pengurusan dari peringkat cawangan dan bahagian, dari peringkat dalam dan luar negara dibincangkan dan diputuskan. Saya memang banyak masa untuk menghadiri mesyuarat, bukan hanya untuk hadir tetapi sekali gus mengambil tindakan sewajarnya dengan pantas.

Mungkinkah saingan sengit dalam pemilihan peringkat Naib Presiden boleh mencetuskan perpecahan ahli dalam parti?

Sebenarnya pada peringkat Naib Presiden tidak akan mewujudkan perpecahan dalam parti, tetapi kalau peringkat Presiden dan Timbalan Presiden, mengikut pengalaman lalu boleh menyebabkan perpecahan, kerana ramai yang boleh masuk, maka mengikut pengalaman tidak mewujudkan perpecahan. Maknanya ia boleh berlangsung dalam suasana mesra dan kekeluargaan.

(END)